

FAKTA #ANGKA



#300

Gold Coast 2018 cipta rekod baharu Sukan Komanwel apabila menampilkan 300 atlet para, peningkatan sebanyak 45 peratus berbanding penganjuran di Glasgow pada 2014.

#22

Skuad hoki wanita negara berada di *ranking* ke-22 dunia. Malaysia dijadual bertemu Scotland untuk tempat ketujuh dan kelapan.

GOLD COAST 11 April - Penembak negara, Johnathan Wong menegaskan akan mengambil tanggungjawab sepenuhnya atas kegagalan meraih pingat Sukan Komanwel selain bersedia menerima apa sahaja 'hukuman'.



Pelajar jurusan kejuruteraan aeroangkasa di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu adalah salah seorang daripada atlet elit dalam Program Podium yang 'dimestikan' untuk meraih pingat oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin.

Namun dia gagal mencapai sasaran dalam kedua-dua acara disertainya apabila hari ini sekadar menduduki tempat ketujuh dalam acara 50m pistol dengan 126 mata.

Dia sebelum ini turut kecewa dalam acara 10m apabila menamatkan persaingan di tempat kelapan.

"Saya telah mencuba yang terbaik,



tetapi ini bukan hari saya. Apa sahaja keputusan yang diputuskan (Program Podium) ke atas saya, akan saya turuti," katanya.

Mengulas prestasinya hari ini, Johnathan berkata, kehandalan penembak dari India, Bangladesh dan tuan rumah, Australia menutup peluangnya sambil turut diganggu angin yang kuat.

"Saya sukar untuk mendapatkan



Saya telah mencuba yang terbaik tetapi ini bukan hari saya. Apa sahaja keputusan yang diputuskan (Program Podium) ke atas saya, akan saya turuti."

JOHNATHAN WONG
Penembak negara

rentak sebenar tetapi selepas itu mula mengawalinya. Tetapi ketika itu peserta lain tampil lebih baik," jelasnya yang mara ke pusingan akhir selaku peserta kelima terbaik dengan 545 mata.

Acara itu dimenangi oleh Daniel Repacholi dari Australia dengan 227.2 mata yang merupakan rekod baharu kejohanan.